

27 APR 2003

Najib-Pandangan

MALAYSIA AKAN TEKANKAN KEPERLUAN MENDENGAR PANDANGAN NEGARA MEMBANGUN

BATU PAHAT, 27 April (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Rusia, Jerman dan Perancis akan diberitahu mengenai keperluan mendengar pandangan dan pendapat negara-negara membangun serta negara-negara Islam semasa membentuk orde dunia baru, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak hari ini.

Beliau berkata Malaysia akan menggunakan peluang menyatakan perkara itu semasa lawatan ketiga-tiga pemimpin itu ke Malaysia.

"Kita mahu sampaikan mesej kepada dunia supaya kepentingan dunia ketiga, negara-negara Islam dan membangun diambil kira dalam menentukan tata cara dunia akan datang.

"Kita mahu mereka tahu bahawa bukan kekuasaan menentukan segala-galanya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Parit Sulong di sini.

Presiden Rusia Vladimir Putin, Presiden Jerman Gerhard Schroeder dan Presiden Perancis Jacques Chirac, yang menentang keras pencerobohan diketuai Amerika Syarikat ke atas Iraq, dijangka melawat Malaysia tidak lama lagi.

Malaysia menganggap lawatan para pemimpin itu sebagai satu penghormatan kerana ia menunjukkan mereka mahu mengetahui pandangan Malaysia mengenai pelbagai isu dunia, katanya.

"Ia adalah gambaran mengenai minat mereka untuk mendengar pandangan pihak lain dan tidak semestinya pandangan Amerika Syarikat," kata Najib, yang juga naib presiden Umno.

Beliau berkata Malaysia dan negara-negara Islam lain menyedari suara mereka di pentas dunia kini semakin tenggelam akibat tindakan beberapa negara yang mengamalkan unilateralisme.

"Kita menentang unilateralisme," kata Najib.

Sementara itu, Najib enggan mengulas ketika ditanya sama ada Malaysia akan menandatangani perjanjian membeli pesawat pejuang Sukhoi SU-30MK buatan Rusia semasa lawatan Putin ke negara ini.

"Kita tunggu dan lihat," katanya semasa ditanya mengenai kemungkinan Malaysia membeli 18 pesawat pejuang "Multi Role Combat Aircraft" (MRCA) untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Najib juga bersetuju dengan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa majalah The Economist perlu meminta maaf kerana menyiarkan rencana yang tidak berasas mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mempersoalkan bagaimana seorang penulis asing yang hanya meluangkan masa sebulan di negara ini boleh mengkritik Dr Mahathir dan cara beliau menguruskan negara ini.

"Kita tak dapat terima orang yang datang sebulan ke Malaysia dan mengkritik tentang cara kita uruskan negara. Sebenarnya kita adalah model negara berbilang kaum, model negara Islam dan negara model bagi pentadbiran ekonomi serta politik," katanya.

Najib berkata penulis rencana itu tidak berlaku adil dan berat sebelah terutamanya semasa mengulas mengenai projek-projek mega.

-- BERNAMA

MHI NAK